

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran ini dipelawa kepada kontraktor/syarikat yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/syarikat juga diwajibkan memiliki Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate-TCC*) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang berstatus '**PATUH**' dan masih dalam tempoh sah laku, serta berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** yang masih sah buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan/bekalan berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S115/2026	Lantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Bagi Kawasan Ahli Majlis Zon 2 Dan Zon 3 Majlis Perbandaran Kajang (All Provisional)	CIDB G2 (sertakan bersama Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera)	E04, E06, E16, E17 & E21	RM150.00	7 September 2026 Hingga 21 September 2026
MPKj S116/2026	Lantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Bagi Kawasan Ahli Majlis Zon 4 Majlis Perbandaran Kajang (All Provisional)				
MPKj S117/2026	Lantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Bagi Kawasan Ahli Majlis Zon 5 Dan Zon 6 Majlis Perbandaran Kajang (All Provisional)				
MPKj S118/2026	Lantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Bagi Kawasan Ahli Majlis Zon 7 Majlis Perbandaran Kajang (All Provisional)				
MPKj S119/2026	Lantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Bagi Kawasan Ahli Majlis Zon 8 Dan Zon 9 Majlis Perbandaran Kajang (All Provisional)				
MPKj S120/2026	Lantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Bagi Kawasan Ahli Majlis Zon 12 Majlis Perbandaran Kajang (All Provisional)				
MPKj S121/2026	Lantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Bagi Kawasan Ahli Majlis Zon 13 Dan Zon 21 Majlis Perbandaran Kajang (All Provisional)				
MPKj S122/2026	Lantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Bagi Kawasan Ahli Majlis Zon 14 Dan Zon 15 Majlis Perbandaran Kajang (All Provisional)				

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S123/2026	Lantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Bagi Kawasan Ahli Majlis Zon 16 Dan Zon 17 Majlis Perbandaran Kajang (All Provisional)	CIDB G2 (sertakan bersama Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera)	E04, E06, E16, E17 & E21	RM150.00	7 September 2026 Hingga 21 September 2026
MPKj S124/2026	Lantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Bagi Kawasan Ahli Majlis Zon 18 Dan Zon 19 Majlis Perbandaran Kajang (All Provisional)				
MPKj S125/2026	Lantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Bagi Kawasan Ahli Majlis Zon 20 Dan Zon 24 Majlis Perbandaran Kajang (All Provisional)				
MPKj S126/2026	Lantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Bagi Kawasan Ahli Majlis Zon 22 Dan Zon 23 Majlis Perbandaran Kajang (All Provisional)				
MPKj S127/2026	Lantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Bagi Kawasan Ahli Majlis Zon 10 Dan Zon 11 Majlis Perbandaran Kajang (All Provisional)				

DOKUMEN MEJA TAWARAN

Penyebut Harga boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <https://www.mpkj.gov.my/index.php/ms/>.

Penyebut Harga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara dalam talian di laman sesawang <https://tender.selangor.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran. Penyebut Harga adalah diwajibkan membuat pendaftaran sebagai kontraktor/syarikat di dalam sistem e-QTender secara dalam talian melalui pautan ini <https://eqtender.mpkj.gov.my/Account/Register#registration>.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara dalam talian adalah wajib melampirkan salinan resit asal bayaran dan no siri dokumen semasa tarikh tutup sebut harga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **7 SEPTEMBER 2026 HINGGA 21 SEPTEMBER 2026**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebut Harga/Tender)
Tingkat 4
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/puan digalakkan menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebut Harga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebut harga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.